

UMS turut tingkatkan jumlah kemasukan pelajar

21 Mei 1995

Berita

Oleh Mohd Yusuf Abu Bakar

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) tahun ini meningkatkan pengambilan pelajar kepada 1,680 berbanding hanya 205 pelajar ketika memulakan pengajian pada 1995.

Naib Canselor UMS, Datuk Prof Dr Abu Hassan Othman, berkata dengan pengambilan baru itu jumlah keseluruhan enrolmen pelajar UMS kini meningkat kepada 3,052 orang.

"UMS tidak mempunyai masalah menerima lebih ramai pelajar kerana mempunyai tempat penginapan, tenaga pengajar dan peralatan yang mencukupi bagi kelesaan pelajar mengikuti pengajian," katanya.

Dr Abu Hassan berkata, UMS mempunyai 170 tenaga akademik dalam bidang sains, teknologi, ekonomi dan sastera dengan lebih 300 kakitangan sokongan di dua kampus di Jalan Tuaran dan Teluk Likas.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis perjanjian persefahaman di antara universiti itu dan Institut Pelancongan Borneo (BIT) mengenai pengajian pelancongan semula jadi semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar Sabah, Tan Sri Bernard Dompok dan Pendaftar UMS, Hela Ladin.

Dr Abu Hassan berkata, seramai 1,680 pelajar yang ditawarkan pengajian ijazah pertama dijangka mendaftar di kampus universiti berkenaan pada 23 dan 24 Mei ini.

"Daripada jumlah itu seramai 1,002 pelajar mengikuti aliran sains, manakala 687 aliran sastera.

"Jumlah pengambilan pelajar kali ini paling ramai sejak UMS dibuka pada tahun 1995 melebihi jumlah pelajar yang sedia ada iaitu 1,376 orang," katanya.

Menurutnya, lebih 40 peratus pelajar yang mendaftar pada Sabtu dan Ahad ini adalah pelajar dari Sabah.

"Dalam keadaan ekonomi sekarang, ibu bapa di Sabah memilih UMS kerana dapat mengurangkan perbelanjaan berbanding mengikuti



DR ABU HASSAN
... mendadak

pengajian di universiti awam di Semenanjung.

"Selain itu, UMS turut memberi keutamaan pelajar tempatan untuk mengikuti pengajian bagi meningkatkan jumlah tenaga kerja untuk membangunkan Sabah," katanya.

Dr Abu Hassan berkata, ibu bapa tidak perlu bimbang mengenai penginapan pelajar. "UMS mempunyai empat kawasan perumahan selesa, mencukupi untuk lebih 3,000 pelajar termasuk yang baru mendaftar," katanya.

Mengenai pelajar matrikulasi, Dr Abu Hassan berkata, seramai 752 pelajar akan mengikuti kursus matrikulasi di beberapa pusat di Semenanjung.

"UMS sudah mengemukakan cadangan pusat baru di Sekolah Sains Lahad Datu sebagai pusat matrikulasi bagi menampung pelajar aliran sains dari kawasan pantai timur Sabah untuk memasuki universiti berkenaan," katanya.

Menurut beliau, seramai 480 pelajar ditawarkan mengikuti Sarjana Muda Sains, Sarjana Muda Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (285), Sains Perhutanan (50), Sains Makanan (110) dan Pendidikan Sains (47).

Katanya, bagi aliran sastera, seramai 204 mengikuti Sarjana Muda Sosial, Ekonomi dan Perniagaan (275), Psikologi (114) dan Pendidikan (85).